



PELITA

BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN DUA KALI SA-BULAN PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 9. BILANGAN 20.

15 جمادا الآخر 1384 RABU 21 OKTOBER, 1964.

PERCHUMA

D. Y. M. M. MELAWAT KA-PUSAT PEMULEHAN DI-BUNUT:

Baginda Berazam Akan Menentang

SA-BARANG ANCHAMAN DAN PERBUATAN YANG KEJI

BUNUT. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah bertitah bahawa Baginda berazam dengan daya upaya yang dapat menentang apa juga anchaman pencherubohan dan perbuatan yang keji yang dikutuk oleh Allah Subhanahu Wata'ala yang merosakkan nama baik Negeri Brunei.

"Negeri Brunei, ia-lah negeri tumpah darah beta yang sangat beta kasehi. Tuhan Allah Subhanahu Wata'ala yang asa, yang maha berkuasa, yang maha berkudrat, yang maha mengetahui akan menyertai dan menyertai kapada pehak yang benar dan kapada pehak yang terkena anchaman pencherubohan dan bagi pehak yang terkhanat akan berjaya Insha Allah terselamat dan akan mencapai kemenangan," titik Baginda lagi.

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan bertitah demikian ketika Baginda beruchap kapada 44 orang bekas orang2 tahanan di-Pusat Pemulehan semula di-Bunut pada pagi 15 Oktober, 1964.

Bekas orang2 tahanan itu kumpulan yang ke-27 telah menjalani kursus tersebut selama sabulan. Ini membawa kapada ramai 1,400 orang tahanan yang telah di-bebasan semenjak pusat tersebut di-tubohkan dalam tahun lepas.

Duli Yang Maha Mulia bertitah, bahawa Baginda merasa puas hati mendapat tahu bahawa melalui pusat tersebut ada beratus2 orang tahanan yang telah di-hantar ka-pusat tersebut telah kembali memulakan penghidupan baru dengan aman sentosa bersama2 anak saudara mereka yang telah menaroh penoh keyakinan tentang kesalahan mereka yang telah lalu itu.

Baginda bertitah, ada-lah dasar Keraian Baginda untuk memberi pengampunan terhadap mereka yang benar2 mengambil bahagian dalam penderhakaan telah menyatakan keinsafan-nya.

Yang demikian telah dapat dijalankan kerana setelah di-siasat bahawa sa-bilangan besar daripada mereka yang terlibat itu adalah menjadi mangsa tipu helah

sa-bilangan yang kecil pemimpin2 yang tidak bertanggong jawab.

Baginda bertitah, pemimpin2 durjana itu telah mengambil kesempatan mempengarohi ra'ayat yang sanggup berkorban bagi mencapai kepentingan2 diri mereka sendiri ia-itu kepentingan2 pemimpin2 yang tidak bertanggong jawab itu dan sehingga mengakibatkan bagaimana penideritaan dan kesusahan telah menimpa mereka yang telah teritiitu itu.

Duli Yang Maha Mulia bertitah lagi, bahawa ada-lah menjadi dasar dan tanggongan baginda dan kerajaan baginda membolehkan semula ketenteraman keamanan di-dalam Negeri Brunei Darus Salam ini dan memberi peluang kapada penduduk2 Negeri Brunei ini memulakan penghidupan baru bagi meninggikan mata pencharian hidup mereka.

Baginda kemudian-nya menyuru bekas orang2 tahanan itu supaya bersunggoh2 menumpukan hasrat lela setia yang tidak berbelah bagi terhadap Baginda dan Negara Brunei serta bekerjasama (Lihat Muka 5)

D.Y.M.M. Melawat Ka-Ulu Temburong

BANGAR. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan telah melawat sa-chara menjelut ka-7 buah Kampong2 di-Pedalam Daerah Temburong kelemarin dengan menaiki helikoptar kepunyaan Tentara Udara Di-Raja Inggeris.

Kampong2 tersebut ia-lah Piasau2, Senukoh, Kampong Lopat, Belingus, Belaban, Bukol dan Puni.

Penduduk2 Kampong2 tersebut telah mengalu2kan ketibaan Baginda di-kampong masing2 dengan mesra-naya.

Baginda telah di-iringi oleh Pegawai Daerah Temburong, Pengiran Syed Shahminan dan beberapa orang Pegawai2 Tentera.



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan dan beberapa orang Pegawai2 Kerajaan kelihatan dalam gambar ini pada masa Baginda melawat ka-Pusat Pemulehan di-Bunut pada pagi 15 Oktober, 1964.

Menteri Besar Merasmikan Pembukaan Perkhemahan Pengakap Sa-Negeri Brunei

GADONG.—Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Maun yang juga menjadi Yang Di-pertua Majlis Pengakap Sa-Negeri Brunei telah merasmikan pembukaan Perkhemahan Pengakap Sa-Negeri Brunei di-jalan Gadong pada petang hari Juma'at 16 Oktober, 1964.

Beliau telah di-sambut ketika tiba di-Perkhemahan tersebut oleh Pemangku Pesuroh Jaya Pengakap Negeri Brunei, Awang Haji Ali Khan bin Abdul Khan dan oleh Penolong Pesuroh Jaya Pengakap Bahagian Sekolah2 Melayu Negeri Brunei, Ag. Shabuddin bin Saleh yang juga menjadi Ketua Perkhemahan.

Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal berkata dalam uchapan beliau di-majlis tersebut bahawa tujuan perkhemahan tersebut di-adakan adalah perkhemahan istimewa kerana menyambut ketibaan Ketua Pengakap Komanwelth, Sir Charles MacLean.

Beliau telah menyeri kapada Pengakap2 itu supaya mereka memahami terhadap tugas Pengakap dengan Negara-nya.

"Andai-nya Awang2 sa-orang yang berjaya Pengakap — menuaikan apa yang menjadi Sumpah dan Undang2 Pengakap — neschaya-lah Awang2 kelak akan menjadi sa-orang warga-negara yang berguna di-masa yang akan datang" kata beliau.

Lebih lanjut Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal mene-

gaskan bahawa sa-orang warga-negara yang bertanggong-jawab amatlah penting di-zaman Negara kita dalam pembangunan ini.

Di-antara beratus2 orang yang "berkhemah" ia-lah sa-pasokan Pengakap2 dari Limbang, Sarawak, beberapa Pasokan Pengakap yang baru sahaja di-tubohkan di-negeri ini. Pasokan2 Pandu Puteri, Anak2 Serigala dan juga sa-pasokan Palang Merah Brunei.

Satu temasha Unggun Api telah di-adakan dengan meriah-nya di-perkhemahan tersebut pada malam 17 Oktober.

Ketua Pengakap Komanwelth, Sir Charles MacLean yang telah tiba di-Brunei pada petang hari tersebut telah hadir di-temasha tersebut.

Di-antara para hadirin di-temasha itu ia-lah Pesuroh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei, Yang Terutama Awang E. O. Laird; Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Maun dan isteri beliau Datin Zubaidah.

Ketua Pengakap Komanwelth, Sir Charles MacLean juga telah melawat ka-Perkhemahan Pengakap tersebut pada pagi hari Ahad 18 Oktober.

Beliau telah beramah tamah dengan Pegawai2 dan Pengakap2 di-perkhemahan tersebut dan juga telah makan bersama2 dengan Pegawai2 Perkhemahan itu.

Perkhemahan Pengakap tersebut di-tamatkan pada petang hari Ahad 18 Oktober dengan memperolehi kejayaan.

Penolong P.J. Pengakap Sekolah2 Melayu Brunei

MERASMIKAN PENUBOHAN PENGAKAP S.M. MUDA HASHIM

TUTONG.— Penolong Pesuroh Jaya Pengakap Bahagian Sekolah2 Melayu Negeri Brunei, Awang Shahbudin bin Saleh telah merasmikan penubohan Pasukan Pengakap Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong bertempat di-Padang Sekolah itu pada pagi hari Khamis 15 Oktober, 1964.

Pengakap2 yang telah menerima Lenchana Tenderfoot itu ialah Ketua Patrol Abdul Hamid bin Orang Kaya Bassah dan Penolong Ketua Patrol Arbi bin Haji Yussoff dari Patrol Lembu.

Ketua Patrol Adi bin Ismail dan Penolong Ketua Patrol Abu Bakar bin Jais dari Patrol Kuching.

Ketua Patrol Merzuki bin Akif dan Penolong Ketua Patrol Hassan bin Yussoff dari Patrol Ayam.

Sa-bulun merasmikan penubuhan pasukan Pengakap Sekolah Melayu Muda Hashim, Awang

Shahbudin telah menguchapkan tahniah kapada Sekolah itu kerana telah dapat mengadakan satu pasukan Pengakap-nya.

Dalam uchapan-nya, beliau berkata bahawa Pergerakan Pengakap ada-lah berchorak Kebangsaan-sadunia, kerana ia menggerakkan perasaan persaudaraan di-antara pengakap2 sadunia dari semua bangsa dan juga dari segala peringkat dan ugama.

Dasar pergerakan pengakap, kata beliau, mlarang apa2 chara da'ayah perkauman dalam perkumpulan2 yang terdiri dari berbagai2 bangsa dan lapisan masyarakat.

Tiap2 pengakap hendak-lah ta'tat apad Allah dan Sultan, Kerajaan, Ketua2 dan Ibu Bapa; Menolong orang pada sa-tiap masa dan menurut Undang2 Pengakap, kata-nya lagi.

Turut memberikan uchapan di-majlis tersebut ia-lah Guru Besar Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong, Abang Bolhassan bin Datu Pettinggi; Nadzir Sekolah2 Melayu Daerah Tutong, Awang Mohamed Daud bin Serudin dan oleh Awang Mohamed Sum bin Hashim, selaku Wakil dari Jabatan Pelajaran Negeri Brunei.

Guru Besar Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong, Abang Bolhasan bin Datu Pettinggi yang juga menjadi sa-orang Guru Pengakap Daerah telah menguchapkan berbanyak2 terima kasih atas kesudian Penolong Pesuroh Jaya Pengakap Baltung Sekolah2 Melayu Brunei, Awang Shahbudin bin Saleh me-



Penolong Pesuroh Jaya Pengakap Bahagian Sekolah2 Melayu Negeri Brunei, Awang Shahbudin bin Saleh (duduk di-tengah barisan hadapan memakai pakaian-sama Pengakap) bergambar dengan Pegawai2 Pengakap dan Pengakap2 sa-lepas beliau merasmikan penubohan Pasukan Pengakap Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong pada 15 Oktober.

rasmikan penubohan Pasukan Pengakap Sekolah Melayu Muda Hashim pada pagi hari tersebut.

Beliau telah menguchapkan sa-tinggi2 tahniah kapada Pasukan2 Pengakap, Pandu Puteri dan Palang Merah Sekolah Melayu Muda Hashim yang telah dibentuk dalam bulan Ogos tahun ini kerana mengambil bahagian semasa di-adakan sambutan2 Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dalam bulan September yang lalu.

Nadzir Sekolah2 Melayu Daerah Tutong, Awang Mohamed Daud bin Serudin berkata dalam uchapan beliau di-majlis tersebut bahawa Pengakap2, Pandu2 Puteri, Palang Merah dan lain2 pertubuhan sukarela sangat-lah berguna dan berfaedah kapada masyarakat selama2-nya.

Beliau telah menguchapkan tahniah kapada Sekolah Melayu Muda Hashim, yang telah dapat menubuhkan Pasukan Pengakap-nya yang akan bergabung dengan lain2 Pasukan Pengakap di-Negeri Brunei.

PINGAT HANG TUAH

Selain dari itu, beliau juga telah menyeru kapada Pengakap2 Sekolah Melayu Muda Hashim

supaya meniru tauladan Muhammad bin Taib, sa-orang Anak Serigala, Sekolah Kebangsaan Chukai, Kemanan, Trengganu, Malaysia yang telah dikurniakan dengan PINGAT HANG TUAH oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Malaysia terhadap keberanian-nya menyelamatkan sa-orang kakak2 dari mati lemas di-Sungai Limpong, Kemanan.

Awang Mohamed Daud Serudin berkata lagi bahawa Anak Serigala yang berani itu telah juga mendapat satu lagi Bintang Keberanian daripada Ketua Agong Pengakap Tanah Melayu, Yang Berhormat Dato Sa'adon bin Haji Zubir pada 28 Mac tahun ini.

Awang Mohamed Sum bin Hashim telah melafazkan uchapan bagi pehak Jabatan Pelajaran Negeri Brunei di-majlis tersebut.

Beliau juga telah menguchapkan tahniah kapada Sekolah Melayu Muda Hashim yang telah dapat mengadakan Pasukan Pengakap-nya dan berharap Sekolah2 yang belum lagi mengadakan Pasukan Pengakap supaya menubuhkan Pasukan Pengakap di-Sekolah masing2.

Awang Mohamed Sum telah menyeru kapada Pengakap2 Sekolah Melayu Muda Hashim supaya mengikuti Undang2 Pengakap dan bekerja bersunggol2 untuk faedah bangsa dan negara pada sa-tiap masa.

Menghadiri Kursus Pemulehan

BUNUT.— Seramai 39 orang tahanan telah di-pindahkan dari Khemah Tahanan Berakas ka-Pusat Pemulehan Bunut untuk menjalani Kursus Pemulehan selama sa-bulan.

Ini-lah kumpulan yang ka-28 bekas orang2 tahanan di-pindahkan dari Khemah Tahanan Berakas ka-Pusat Pemulehan Bunut untuk menjalani Kursus Pemulehan an semenjak kursus itu di-mulai pada awal tahun lepas.

Jumlah bekas orang2 tahanan yang menjalani kursus pemulehan di-pusat tersebut hingga ka-hari ini ia-lah seramai 1,439 orang.

Menghadiri Kongres Jaycee Sa-Dunia

BERAKAS.— Yang Dipertua Pertubuhan Jaycee Negeri Brunei, Awang Ong Kim Kee telah berangkat ka-Singapura dengan kapal terbang dari Brunei dalam perjalanan-nya ka-Amerika Syarikat pada petang 6 Oktober, 1964 untuk menghadiri Kongres Pertubuhan Jaycee Sa-Dunia.

Kongres tersebut di-adakan di-Oklahoma, mulai dari 18 Oktober hingga ka-25 Oktober.

Sa-lepas menghadiri Kongres tersebut, Awang Ong Kim Kee akan melawat Pertubuhan2 Jaycee di-beberapa buah negeri untuk menghubungkan perpaduan yang rapat di-antara Pertubuhan Jaycee Negeri Brunei dengan Pertubuhan2 Jaycee di-negeri2 yang berkenaan itu.

1096 ORANG MURID2 MASOK PEPEREKSAAN KA-SEKOLAH2 INGGERIS

BANDAR BRUNEI.— Seramai 1096 orang murid2 lelaki dan perempuan dari Sekolah2 Melayu dan China di-seluruh Negeri Brunei telah mengambil pepereksaan masok ka-Sekolah2 Inggeris Kerajaan.

Pepercayaan tersebut telah di-adakan di-lima buah Sekolah2 Melayu pada pagi hari Sabtu 10 Oktober, 1964.

Sekolah2 itu ia-lah Sekolah Melayu Sultan Muhammad Je'malul Alam, Bandar Brunei; Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong; Sekolah Melayu Muhammad Je'malul Alam, Seria; Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait dan Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangar, Temburong.

Semua murid2 tersebut telah lulus pepereksaan Darjah Empat di-sekolah masing2 dan umur mereka tidak lebuh dari 12 tahun pada 1 Januari, 1965.

Dari jumlah 1096 orang murid2 tersebut, 954 orang ia-lah murid2 dari Sekolah2 Melayu dan 142 orang lagi ia-lah murid2 dari sekolah2 China.

Jumlah murid2 yang mengambil pepereksaan di-tiap2 buah sekolah tersebut ada-lah saperti di-bawah ini :

Sekolah Melayu Sultan Muhammad Je'malul Alam, Bandar Brunei: Murid2 dari Sekolah2 Melayu di-Bandar Brunei berjumlah 335 orang ia-itu 314 orang murid2 Melayu dan 21 orang murid2 China. Murid2 dari Sekolah2 Melayu Luar Bandar berjumlah 267 orang. Kesemua murid2 Melayu belaka.

Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong: Jumlah murid2 ia-lah seramai 119 orang, ia-itu 112 orang murid2 Melayu dan 7 orang murid2 China.

Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait: Jumlah murid2 ia-lah seramai 168 orang ia-itu 113 orang murid2 Melayu dan 55 orang murid2 China.

Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangar, Temburong: Jumlah murid2 ia-lah seramai 32 orang, ia-itu 28 orang murid2 Melayu dan 4 orang murid2 China.

Murid2 yang lulus pepereksaan tersebut akan di-pilih untuk belajar di-Sekolah2 Inggeris Kerajaan di-Negeri Brunei pada awal tahun hadapan.

Pertandingan Bintang Radio Brunei Tahun 1965

BANDAR BRUNEI. — Biduan2 dan biduanita2 tempatan ada-lah di-jemput Intok mengambil bahagian dalam pertandingan bagi merdukan getaran BINTANG RADIO BRUNEI TAHUN 1965.

Pertandingan tersebut di-bahagikan kepada 2 peringkat, ia-itu Peringkat Daerah dan Peringkat Negeri. Peringkat Daerah mengandungi (a) Daerah Brunei/Muara, (b) Daerah Seria/Belait, (c) Daerah Tutong dan (d) Daerah Temburong.

Pertandingan untuk merebutkan gelaran Bintang Radio bagi tiap2 daerah tersebut akan dilangsungkan tidak berapa lama lagi.

Pertandingan untuk merebutkan gelaran Bintang Radio Brunei Kejohanan Sa-Negeri Brunei bagi Tahun 1965 akan di-adakan pada masa sambutan Hari Raya Puasa, ia-itu pada awal bulan Februari tahun hadapan.

Biduan2 dan biduanita2 yang berjaya mendapat gelaran Johan dan Naib Johan dalam pertandingan peringkat daerah, akan dipilih untuk mewakili daerah masing2 dalam pertandingan Sa-Negeri Brunei.

Menurut satu sharat yang telah ditetapkan, jika sakira-nya penyanyi2 yang menjadi Johan atau Naib Johan dalam pertandingan peringkat daerah tidak dapat mengambil bahagian dalam pertandingan peringkat Sa-Negeri Brunei, maka penyanyi2 yang mendapat tempat yang ketiga atau yang keempat dalam pertandingan peringkat daerah masing2 dengan sendiri-nya akan berpeluang mengambil bahagian dalam pertandingan peringkat Sa-Negeri sa-bagai menggantikan penyanyi2 yang menjadi Johan atau Naib Johan yang tidak dapat mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut.

Pertandingan tersebut akan di-bahagikan kepada dua bahagian, ia-itu Bahagian Asli dan Bahagian Langgam, lelaki dan wanita.

Tiap2 penyanyi boleh menyanyi Lagu Asli dan Langgam. Jika-lau sa-orang penyanyi menyanyi Lagu Asli sahaja dan berjaya menjadi Johan dalam pertandingan bahagian itu, maka ia akan hanya di-beri gelaran Johan Bahagian Langgam sahaja.

Sa-kira-nva penyanyi itu menyanyi Lagu Langgam sahaja dan berjaya menjadi Johan dalam pertandingan bahagian itu, maka ia akan hanya di-beri gelaran Johan Bahagian Langgam sahaja.

Akan tetapi, jika sa-kira-nva penyanyi itu menyanyi Lagu Asli dan Lagu Langgam dan berjaya mendapat markah yang tinggi sekali dalam pertandingan menyanyi itu, maka ia akan di-beri gelaran Johan Sa-Negeri

Brunei, atau Bintang Radio Sa-Negeri Brunei kelak.

Pertandingan tersebut terbuka kepada penyanyi lelaki yang berumur 17 tahun ka-atas dan penyanyi wanita yang berumur 14 tahun ka-atas.

Penyanyi itu mesti-lah tinggal di-Negeri Brunei, sekurang2nya enam bulan terlebih dahulu dari tarikh ia menghantarkan borang permohonan masuk bertanding.

Untuk pengetahuan penyanyi2 yang berhajat hendak mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut, sa-barang bayaran pun tidak-lah akan di-kenakan untuk mengambil bahagian.

Tambang kereta pergi dan balek untuk mengambil bahagian dalam pertandingan itu tidak-lah akan di-tanggong oleh Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Brunei.

Lagu2 yang akan di-pertandingkan untuk merebutkan gelaran Bintang Radio Bruneti Tahun 1965 ada-lah saperti dibawah ini:

Pepereksaan Bahasa Melayu Untuk Orang2 Dewasa Bukan Melayu

BANDAR BRUNEI. — Pepereksaan Bahasa Melayu Untuk Orang2 Dewasa Yang Bukan Melayu — 1964 akan di-jalankan pada bulan Disember, 1964 ia-itu bagi tingkatan2 PERMULAAN, SATU, DUA dan TIGA.

Pepereksaan ini terbuka kepada orang2 yang bukan Melayu dalam pertandingan peringkat Sa-Negeri sa-bagai menggantikan penyanyi2 yang menjadi Johan atau Naib Johan yang tidak dapat mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut.

Pertandingan tersebut akan di-bahagikan kepada dua bahagian, ia-itu Bahagian Asli dan Bahagian Langgam, lelaki dan wanita.

Tiap2 penyanyi boleh menyanyi Lagu Asli dan Langgam. Jika-lau sa-orang penyanyi menyanyi Lagu Asli sahaja dan berjaya menjadi Johan dalam pertandingan bahagian itu, maka ia akan hanya di-beri gelaran Johan Bahagian Langgam sahaja.

Sa-kira-nva penyanyi itu menyanyi Lagu Langgam sahaja dan berjaya menjadi Johan dalam pertandingan bahagian itu, maka ia akan hanya di-beri gelaran Johan Bahagian Langgam sahaja.

Akan tetapi, jika sa-kira-nva penyanyi itu menyanyi Lagu Asli dan Lagu Langgam dan berjaya mendapat markah yang tinggi sekali dalam pertandingan menyanyi itu, maka ia akan di-beri gelaran Johan Sa-Negeri

PENYANYI LELAKI : Lagu Asli ... (a) Pak Malau atau (b) Istilah Chinta Ku. Lagu Langgam ... (a) Rindu Selalu atau (b) Senyum Dan Irama.

PENYANYI WANITA : Lagu Asli ... (a) Mengapa Di-Rindu atau (b) Bunga Tanjong. Lagu Langgam(a) Tak Boleh Ku Lupa atau (b) Tetap Menanti.

Tarikh penutup bagi menerima borang2 permohonan bertanding ia-lah Hari Sabtu 7 November, 1964, pukol 4 petang.

Borang2 permohonan bertanding boleh-lah di-perolehi daripada :

DAERAH BRUNEI/MUARA: Pengelola Pertandingan Bintang Radio, Bahagian Melayu Radio Brunei, Bandar Brunei.

DAERAH SERIA/ BELAIT: Pegawai Penyiaran dan Penerangan, Radio Brunei, Kuala Belait.

DAERAH TUTONG : Awang Noordin Ahmad, Pegawai Penjawat Bilek Bacha'an, Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Tutong.

DAERAH TEMBURONG : Awang Jumat, Pegawai Penjaga Bilek Bacha'an, Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Temburong.

MELAWAT BRUNEI: Pengarah Penerangan Amerika Sharikat

BERAKAS. — Pengarah Perkhidmatan Penerangan Amerika Sharikat di-Kuching, Sarawak Awang Edward F. Conyngham telah melawat ka-Negeri Brunei pada 15 Oktober, 1964.

Beliau telah di-temui di-Lapangan Terbang Berakas oleh Pengarah Bahagian Bahasa dan Pustaka, Brunei, Yang Berhormat Awang Haji Jamil bin Pehin Udana Khatib Awang Haji Umar.

Semasai lawatan-nya ka-negeri ini, Awang Conyngham telah mengadakan pertemuan2 dengan Pengarah Penyiaran dan Penerangan, Brunei, Awang G. V. de Freitas; Pegawai Pelajaran Negara Brunei, Yang Berhormat Awang Malcolm MacInnes dan dengan beberapa orang yang lain.

Ini-lah kali yang pertama Awang Conyngham melawat ka-Negeri Brunei semenjak beliau di-lantek menjadi Pengarah Perkhidmatan Penerangan Amerika Sharikat di-Kuching baharu2 ini.

Terlebih dahulu beliau telah berkhidmat dengan Perkhidmatan Penerangan Amerika Sharikat di-Taiwan (Formosa) selama lima tahun dan di-lain2 negeri.

Awang Conyngham telah berangkat dari Brunei ka-Jesselton dengan kapal terbang pada 16 Oktober. Di-antara-nya yang menghantar beliau di-Lapangan Terbang Berakas ia-lah Pengarah Penyiaran dan Penerangan, Brunei, Awang G.V. de Freitas.

Pegawai2 Pertubuhan Kesehatan Sa-Dunia

BANDAR BRUNEI. — Lima orang Pegawai2 Pertubuhan Kesehatan Sa-Dunia telah melawat ka-Negeri Brunei dari Miri pada petang 13 Oktober, 1964 dalam bidang lawatan mereka ka-beberapa tempat di-Negeri Sarawak.

Rombongan tersebut di-ketuai oleh Awang Hsi-Hsien Chen, sa-orang Pegawai Pertubuhan Kesehatan Sa-Dunia yang kini berkhidmat di-Kuching, Sarawak.

Sa-lepas melawat ka-Negeri Brunei rombongan tersebut telah melawat ka-Limbang pula.

Dalam satu pertemuan dengan sa-orang Wartawan, Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Brunei, Awang Chen berkata bahawa kejadian demam Malaria di-Sarawak telah kurang dari 40 000 orang yang menghadapi demam itu ka-1.500 orang dalam sa-tahun, semenjak Sarawak melancarkan Ranchangan Membas-Mikan Malaria dalam tahun 1953.

2. Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait — untuk chalun2 di-Kuala Belait.

3. Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria untuk chalun2 di-Seria.

4. Sekolah Chung Hwa, Tutong — untuk chalun2 di-Pekan Tutong.

Perkara2 yang akan di-perek-sa:

A. Tingkatan Permulaan dan Tingkatan Satu:

i. Bachaan Rumi; ii. Renchana Rumi; iii. Soal jawab di-mulut; iv. Bahasa dan Memaham Karangan dan v. Karangan dan Surat Kiriman.

B. Tingkatan Dua dan Tiga:

i. Bachaan Rumi; ii. Renchana Rumi; iii. Bachaan Jawi; iv. Renchana Jawi; v. Karangan dan Surat Kiriman; vi. Bahasa; vii. Memaham Karangan dan viii. Soal jawab di-mulut.

Pepereksaan ini akan di-jalankan pada siang hari. Suatu Juh-daul mengenai ketetapan tarikh pepereksaan itu di-jalankan akan di-umorkan kemudian.

Pendaftaran kerana memasuki pepereksaan ini akan di-mulakan dari sekarang dan akan di-tutup pada 10 November, 1964.

D.Y.M.M. Merasmikan Pembukaan Pusat Kesehatan Sultan Omar Ali Saifuddin Di-Kampong Saba

KAMPONG SABA. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah merasmikan pembukaan Pusat Kesehatan Sultan Omar Ali Saifuddin di-Kampong Saba, Kampong Ayer Brunei pada pagi hari Sabtu 8 Oktober, 1964.

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan bertitah dalam uchapan Baginda di-majlis tersebut bahawa Baginda berasa gembira atas kemajuan yang telah dicapai oleh Pejabat Perubatan dan Kesehatan Negeri Brunei.

PERPADUAN

Baginda telah menguchapkan tahniah kepada Pegawai2 dan anggota2 Pejabat Perubatan dan Kesehatan serta orang2 yang berkenaan yang telah bekerjasama untuk mengembangkan Perkhidmatan Perubatan dan Kesehatan di-negeri ini.

Dalam titah uchapan Baginda di-majlis tersebut, Duli Yang Maha Mulia bersabda bahawa kesehatan sangat-lah penting bagi raya untuk membina negara dan bekerja untuk kepentingan raya.

Mengenai perkembangan kesehatan pula, Baginda bertitah bahawa Jabatan Perubatan dan Kesehatan sedang menjalankan rancharan untuk menchengah penyakit malaria, batok kering, dan membina sa-buah Rumah Sakit yang baharu di-Kuala Belait.

KEMAJUAN

Baginda telah menyeru kapada segala lapisan raya di-negeri ini supaya memberikan kerjasama kapada Kerajaan Baginda untuk mencapai keamanan, kesentosaan kemajuan dan ketenteraman negeri ini.

Duli Yang Maha Mulia juga telah menyeru kapada penduduk2 di-Kampong Saba dan kampong2 yang berhampiran dengan-nya supaya menggunakan Pusat Kesehatan yang baharu itu untuk faedah mereka pada sa-tiap masa.

Terdahulu dari itu, satu uchapan telah di-lafadzkan dalam bahasa Melayu oleh Pemangku Pegawai Perubatan Negara, Brunei, Doktor I.G. Singh.

Doktor I.G. Singh telah menguchapkan sa-tinggi2 terima kaseh atas kesudian Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan berchemar duli ke-Pusat Kesehatan tersebut untuk merasmikan pembukaan-nya.

Beliau juga telah menguchapkan berbanyak2 terima kaseh kepada semua para jemputan yang telah mengorbankan masa masing2 untuk hadir di-majlis itu.

Doktor Singh berharap agar penduduk2 di-Kampong Saba dan juga mereka yang tinggal di-kampong2 yang berhampiran

dengan kampong itu akan menggunakan peluang2 yang di-perolehi di-Pusat Kesehatan tersebut.

KEYAKINAN

Beliau yakin bahawa kaki-tangan Pejabat Perubatan dan Kesehatan Negeri Brunei akan menjalankan kerja2 mereka dengan saberapa daya-upaya untuk faedah penduduk2 yang berkehendakkan rawatan dengan kerjasama dari penduduk2 tersebut.

Dalam uchapan-nya, Doktor Singh telah menerangkan chara2 pentadbiran dan juga mengenai pekerjaan2 yang di-lakukan oleh Jabatan Perubatan dan Kesehatan Negeri Brunei.

Doktor Singh berkata bahawa segala usaha telah di-tumpukan oleh Jabatan Perubatan dan Kesehatan Negeri Brunei untuk mendirikan sa-buah bangunan orang2 sakit otak.

Berkenaan dengan pemerekahan penyakit batok kering, Doktor Singh berkata bahawa Doktor Hart telah menjalankan pekerjaan "X-Ray" sa-chara awam dan sedang bekerja dengan giatnya terhadap Pemerekhaan Batok Kering.



Gambar ini diambil sa-lepas Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan merasmikan pembukaan Pusat Kesehatan Sultan Omar Ali Saifuddin di-Kampong Saba, Kampong Ayer, Brunei pada pagi hari Sabtu, 8 Oktober, 1964.

Doktor P.I. Franks pula, kata beliau, telah menjalankan pekerjaan mata dengan chukup memuaskan — hingga ke beberapa orang yang mengidap penyakit mata dari Sarawak dan Sabah telah datang ka-Brunei untuk dirawat di-Rumah Sakit Besar disini.

Sa-lain dari itu, tegas beliau,

berjenis2 pembedahan telah dilakukan di-bawah kelolaan Doktor Harris.

Majlis pembukaan rasmi Pusat Kesehatan Sultan Omar Ali Saifuddin telah di-akhiri dengan bacaan Do'a Selamat oleh Kadhi Daerah Temburong, Awang Ishak bin Adam.

Mashuarat Agong Persatuan Penuntut2 Brunei Di-United Kingdom

LONDON. — Persatuan Penuntut2 Brunei di-United Kingdom telah mengadakan Mashuarat Agong Tahunan-nya bertempat di-Dewan Caxton, London pada 26 September, 1964.

Di-antara ramai para hadirin di-majlis tersebut, ia-lah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah dan adinda-nya Yang Teramat Mulia Duli Pg. M u d a Mohammad Bolkiah.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah ketika melafadzkan uchapan di-majlis tersebut telah menguchapkan tahniah atas kejayaan persatuan tersebut dalam berbagai2 lapangan sambil berdo'a agar persatuan itu akan memperoleh tambah2 kemajuan pada sa-tiap masa.

Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Mahkota telah menyeru kapada semua ahli2 persatuan tersebut supaya mereka sentiasa bekerjasama dan tulung-menulong antara satu dengan lain.

Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Mohamed Bolkiah

juga telah melafadzkan satu uchapan yang berharga di-majlis tersebut.

PEGAWAI2 BAHARU

Pegawai2 baharu Persatuan Pe-

nuntut2 Brunei di-United Kingdom yang telah di-lantek di-majlis tersebut ada-lah saperti berikut :

Penaong2: Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Mohamed Bolkiah.

Yang Dipertua: Awang Ghafar bin Haji Lamat. Naib Yang Dipertua: Awangku Sani bin Pengiran Ahmad.

Setia Usaha Agong: Dayang Zakiyah binti Haji Mohamed Yusof. Penolong Setia Usaha: Awg. Mohamed Ja'afar bin Noordin. Bendahari: Awang Abdul Rahim bin Latif. Pemereksa Kira2: Awg. Abdul Aziz bin Latif. Ahli Jawatan Kuasa: Dayang Catherine Teo.

Setia Usaha Sosial dan Kebajikan: Awangku Yusof bin Pengiran Saifuddin. Pegawai Penyelenggara: Awangku Asmalee bin Pengiran Ahmad. Setia Usaha Sokan: Awang Ibrahim bin Haji Mohamad.



Y. T. M. SERI PADUKA DULI PENGIRAN MUDA MAHKOTA, PENAONG P.P.B. DI-U.K.

PERSATUAN BEKAS DI-TUBOKHAN

BANDAR BRUNEI. — Sa-buah Persatuan telah di-tubokhan di-Bandar Brunei dengan resmi-nya. Persatuan ini di-namakan Persatuan Bekas Penuntut Sekolah2 Ugama, Brunei.

BAHASA PERSATUAN: Bahasa Resmi Persatuan ini ia-lah BAHASA MELAYU.

Persatuan ini telah di-tadbirkan oleh Jawatan Kuasa Tadbir Sementara yang telah di-bentok dalam satu perjumpaan yang telah di-adakan pada 3/7/1964 bertempat di-maktab SOAS, Bandar Brunei.

Ahli2 Jawatan Kuasa Tadbir Sementara itu ia-lah sa-perti berikut;

Yang Di-Pertua — Awang Metusin Bin Haji Ibrahim; Naib Yang Di-Pertua — Awang Mohd. Yusof Bin Perak; Setia Usaha Agong — Awang Puteh Bin Jukin. Naib Setia Usaha — Awang Mustapa Bin Haji Abdul Rahman; Bendahari — Awang Asahari Bin Haji Mohd. Salleh.

Ketua Badan Kebajikan — Awang Umar Bin Haji Ismail; Ketua Badan Penerangan — Awangku Sabudin Peng. Saifuddin; Ketua Badan Kebudayaan dan Ugama — Dk. Hairani binte Peng. Muda Kahar; Ketua Badan Penerbitan — Awang Sharbini Bin Awang Sunggoh.

Dalam perjumpaan tersebut satu keputusan telah di-ambil untuk menubokhan satu Persatuan yang sekarang sudah pun di-sahkan oleh pehak Pendaftaran pada 11 Ogos, 1964.

Tujuan2 Persatuan ini di-tubokhan ia-lah.

1. Untuk menyatu padukan Bekas Penuntut dan Penuntut2 Ugama Brunei.

2. Menjadi satu badan yang mewakili penuntut2 Ugama di-Brunei di-dalam dan di-luar negeri.

3. Membantu penuntut2 Ugama untuk memajukan pelajaran mereka dan membantu mengetasi kesulitan2 mereka dalam segi pelajaran dan kewangan.

4. Bekerja untuk memajukan Ugama Islam.

5. Merapatkan kerjasama dan

tali persaudaraan dengan lain2 Persatuan yang sama dasar-nya dengan Persatuan.

Persatuan ini juga mempunyai pergerakan2 yang tertentu untuk menjalankan tujuan2 dalam fasal 5, bahagian ini.

Pergerakan2 ini akan di-jalankan oleh Jawatan Kuasa Persatuan dan ada-lah sa-perti berikut;

1. Mengadakan peraduan2 yang berchorak Ugama.
2. Mengadakan perjumpaan2 yang menuju kapada kebaikan penuntut2 Ugama dan membincangkan perkara2 yang berkaitan dengan kebajikan yang berchorak Islam.

3. Mengadakan Rombongan Marhaban.

4. Memberikan bantuan kepada ahli2 persatuan dalam keadaan suka dan dhka.

5. Mengeluarkan risalah2 dan majalah2.

6. Mengadakan lain2 pergerakan yang di-anggap mustahak untuk memperluaskan tujuan persatuan dari sa-masa ka-sama-sa.

7. Mengadakan badan2 dalam persatuan untuk menyelanggarakan maksud2 fasal 5, dalam bahagian ini.

Ahli2 persatuan ini pula terbahagi kapada tiga bahagian;

1. Ahli Penoh; ia-lah Bekas Penuntut Sekolah2 Ugama, Brunei.

PENUNTUT2 UGAMA

2. Ahli Bersekutu; ia-lah penuntut Sekolah2 Ugama, Brunei yang maseh lagi dalam bangku sekolah dengan sharat mereka itu sudah berumor 15 tahun dan ka-atas.

3. Ahli Kehormat; ia-lah mereka yang di-kirakan ada hubungan-nya dengan pelajaran Islam dan yang di-fikirkan layak di-terima oleh Jawatan Kuasa Tadbir Persatuan.

Wang yuran masok, menjadui ahli ia-lah sa-perti berikut;

Bekas penuntut2 yang sudah bekerja \$1.00. dan Bekas Penuntut2 yang belum bekerja 50 sen atau Penuntut2 yang maseh dalam bangku Sekolah sa-banyak 50 sen juga. Wang yuran masok ini hendak-lah di-bayar bersama. apabila Borang Masok itu di-

kembalikan kapada Setia Usaha Persatuan itu.

Yuran bulanan ia-lah 20 sen bagi sa-tiap ahli kechualui Ahli Kehormat tiada di-kenakan yuran.

Ahli2 Jawatan Kuasa Tabdir Sementara Persatuan tersebut berseri kapada, terutama sekali Bekas2 Penuntut, dan Penuntut2 Ugama yang maseh dalam bangku sekolah, agar dapat memasuki beramai2 menjadi ahli persatuan yang baharu ini.

Segala permohonan2 hendak-lah di-nyatakan nama yang tetang serta alamat yang penoh kapada; Tuan Setia Usaha Agong Persatuan Bekas Penuntut Sekolah2 Ugama, Brunei d/a Peti Surat No. 544, Bandar Brunei, Brunei.

MENYAKSIKAN P. R. DI-ENGLAND



Gambar ini di-ambil di-Lapangan Terbang Berakas pada 8 Oktober, 1964 sa-be lum anggota2 Surohan Jaya Pilehan Raya Negeri Brunei berangkat ka-England untuk memerhatikan keadaan Pilehan Raya di-sana. Dari kiri: Pengiran Ahmad bin Pengiran Anak Luba, Yang Berhormat Pg. Haji Abu Bakar bin Pg. Omar dan Awg. Matnoor McAfee.

Derma Untuk Anak2 Yatim

BANDAR BRUNEI. — Hampir sa-ribu orang anak yatim dari seluruh Negeri Brunei, termasok beberapa orang China telah di-beri derma yang berjumlah sa-banyak \$4,790 pada hari Juma'at 16 Oktober.

Seramai 431 orang anak yatim, termasok 8 orang anak China telah menerima derma dari Yang Amat Mulia Pengiran Shahban-

dar Sahibul Bandar Haji Mohamed Salleh di-Masjid Omar Ali Saifuddin.

Upachara menyampai derma yang di-adakan di-Masjid Omar Ali Saifuddin itu di-akhiri dengan bacaan do'a selamat oleh Mufti Brunei, Sahibul Fadhilah Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz.

Lebih 500 orang lagi telah menerima derma masing2 sa-banyak \$5 sa-saorang di-masjid2 di-seluruh Negeri Brunei.

Wang itu ia-lah derma dari Wazir2, Chateria2, Menteri2 dan orang2 yang bergelar. Derma se-rupa ini telah juga di-hadiahkan kepada anak2 yatim di-Negeri Brunei pada tahun lepas.

Sa-orang Juruchakap Jawatankuasa derma itu berkata, ini-lah kali yang pertama anak2 yatim bangsa China menerima derma seperti tersebut.

BERAKAS. — Tiga orang anggota2 Surohan Jaya Pilehan Raya Negeri Brunei telah berangkat dari Brunei ka-England dengan kapal terbang melalui Singapura pada petang 8 Oktober, 1964.

Beliau2 tersebut ia-lah Yang Berhormat Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Omar. Pengiran Ahmad bin Pengiran Anak Luba dan Awg. Matnoor McAfee.

Tujuan lawatan beliau2 tersebut ka-England ia-lah untuk memerhatikan keadaan Pilehan Raya di-sana.

Titah Baginda

(Dari Muka 1)

dengan Kerajaan Baginda terutama sekali di-dalam usaha untuk meninggikan taraf hidup ra'ayat seluruh-nya.

Duli Yang Maha Mulia bertitah, bahawa ketenteraman di-dalam satu negara itu ada-lah membayangkan bukti yang mana ra'ayat dalam negara itu mengalih dan mengamal serta memahami dan mengintak kemakmoran lela berkekalan dan ekonomi untuk menambah mutu usaha lela subor.



Beberapa orang Pegawai2 dan Ahli2 Persatuan Badan Kasatuan Tunas Ibunda (BAKTI) Brunei telah melawat ka-Pekan Bangar Temburong haharu2 ini. Gambar ini di-ambil di-Pekan Bangar pada masa lawatan sa-bagi kenangan di-hadapan Tugu Peringatan di-Pekan Bangar pada masa lawatan tersebut. Berdiri nombor tiga dari kiri ia-lah Penolong Pegawai Daerah Temburong, Awang Puasa bin Tudin — Gambar kiriman Awangku Daud bin Pengiran Damit.

**PERLAWANAN
BOLA SEPAK
MAKTAB2 DAN
SEKOLAH2
MENENGAH**

BANDAR BRUNEI. — Enam buah pasukan akan mengambil bahagian dalam Perlawan Bola Sepak Maktab2 dan Sekolah2 Menengah Sa-Negeri Brunei untuk merebutkan Perisai yang dihadiahkan oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha.

Pasukan2 tersebut ia-lah Maktab Perguruan Melayu Brunei, Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin Maktab Anthony Abell, Pasukan Champoran Sekolah2 Melayu Sa-Negeri Brunei, Sekolah Saint Andrews dan Sekolah Saint Michael.

Perlawan Peringkat Suku Akhir akan di-adakan di-Seria pada petang 26 Oktober di-antara Maktab Anthony Abell dengan Sekolah Saint Michael.

Pasukan yang menang dalam perlawan tersebut akan melawan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin di-Kuala Belait pada petang 31 Oktober, untuk menentukan pasukan yang akan mengambil bahagian dalam perlawan Peringkat Akhir.

Dalam satu lagi Perlawan Peringkat Suku Akhir, Maktab Perguruan Melayu Brunei akan melawan Pasukan Champoran Sekolah2 Melayu Sa-Negeri Brunei di-Padang Besar Bandar Brunei pada petang 29 Oktober.

Sekolah Saint Andrews akan melawan Pasukan yang menang dalam perlawan tersebut di-Padang Besar Bandar Brunei pada petang 5 November, 1964 untuk menentukan pasukan yang akan mengambil bahagian dalam perlawan Peringkat Akhir.

Perlawan Peringkat Akhir akan di-adakan di-Padang Besar Bandar Brunei pada petang 12 November, 1964.

Bola Sepak: BELAIT MENGAJAKAN MIRI 5 GOL BERBALAS 3 GOL

KUALA BELAIT. — Pasukan Bola Sepak Daerah Belait telah berjaya memenangi sa-mula Perisai Shaw sa-telah pasukan itu mengalahkan Pasukan Bola Sepak Daerah Miri dengan 5 gol berbalas 3 gol, di-Padang M.U.D.C., Miri pada petang hari Sabtu 10 Oktober, 1964.

Peraduan Trengkas Dan Menaip

BANDAR BRUNEI. — Peraduan Trengkas/Seni Gregg dan Menaip di-bawah anjoran Persatuan Trengkas Melayu Brunei akan di-adakan di-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei pada 1 November, 1964 dan 8 November, 1964.

Tarikh, masa dan susunan peraduan tersebut ada-lah seperti berikut:

Hari Ahad 1 November, 1964: 9 pagi — 9.30 pagi — Seni Gregg. 9.30 pagi — 11.50 pagi... Trengkas Tertinggi. 9.30 pagi — 10.30 pagi.... Trengkas Permulaan. 10.30 pagi — 11.50... Trengkas Menengah.

Hari Ahad 8 November, 1964: 9 pagi — 12.30 tengah hari..... Menaip (Bahagian Permulaan). 12.30 tengah hari — 1.20 petang Rehat. 1.30 petang — 3.30 petang... Menaip (Bahagian Menengah).

Peserta2 ada-lah di-kehendaki hadbir lima minit sa-belum masa tiap2 peraduan di-jalankan.

Sa-kira-nya peserta2 hadbir ketika peraduan sedang di-jalankan maka peserta2 ada-lah di-kira "tidak hadbir" dan nama peserta2 akan di-potong daripada daftar.

Ini-lah tahun yang ke-dua Pasukan Bola Sepak Daerah Belait memenangi perlawan tersebut. Pasukan itu telah menang perlawan itu dalam tahun 1962.

Awangku Johari telah menjaringkan 3 gol, manakala Zunaidi Hamdan dan Ali Talip menjaringkan 1 gol sa-sa-orang bagi

pehak Pasukan Bola Sepak Daerah Belait.

Radi Haji Dollah telah menjaringkan 2 gol dan Othman Pasukan Bola Sepak Daerah Miri. Awang R.G. Clark dari Seria telah mengadilkannya perlawan tersebut.

Sa-belum perlawan tersebut di-jalankan pemain2 dari kedua2 pasukan telah di-perkenalkan kepada Residen Bahagian Ke-empat Sarawak, Awg. I.A.N. Urquhart. Beliau juga telah menyampaikan hadiah sa-lepas di-langsungkan perlawan tersebut.

KERJA2 KOSONG

Merinyu2 Perchubaan

Permohonan2 ada-lah di-jemput daripada chalon yang menjadi ra'ayat2 Sultan atau mereka yang berhak untuk di-daftarkan sebagai ra'ayat2 Sultan untuk memenohi jawatan2 sebagai Merinyu2 Perchubaan dalam Pasukan Pulis Brunei.

Kelayakkann2 :

(a) Umor — Di-antara 19 hingga 26 tahun.

(b) Tinggi — Tidak kurang dari 5 kaki 4 inci.

(c) Dada — Sekurang2nya 34 inci apabila tidak di-trek nafas.

(d) Mempunyai Sijil Junior Cambridge atau sijil yang serupa dengan itu.

Gaji : \$380/- sa-bulan.

Chalon2 yang berjaya mestilah bersedia untuk pergi ka-Malaya untuk di-lateh.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan, hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat mereka.

Permohonan2 yang mestilah di-isid-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Ibu Pejabat Pulis, Brunei, mestilah di-kembalikan kapada Pesurohjaya Pulis, Brunei, tidak lewat dari 1 November, 1964.

KOSONG

Pulis Baharu

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan atau mereka yang di-Bawah Naongan British peranakan Brunei untuk berkhidmat sebagai Pulis Baharu dalam Pasukan Pulis Brunei dan dengan sharat mereka mempunyai keperluan2 berikut :

Pelajaran — Lulus Darjah VI Melayu atau Primary VI Sekolah Inggeris.

Umor — Antara 18 dan 28 tahun.

Tinggi — Sekurang2nya 5 kaki, 2 inci.

Dada — Sekurang2nya 31 inci bila tidak menarik nafas dan di-akui sehat oleh Pegawai Perubatan Kerajaan.

Gaji : \$160/- sa-bulan.

Chalon2 yang berjaya mestilah bersedia menjalani latehan di-Malaya.

Borang2 permohonan boleh di-perolehi daripada Ibu Pejabat Pulis Daerah, Brunei atau Panga.

Borang2 yang sudah di-penohkan hendak-lah di-kembalikan ka-Ibu Pejabat Pulis, Brunei, tidak lewat daripada 1 November, 1964.

PENYELENGGARA SETOR

Permohonan2 ada-lah di-jemput bagi jawatan Penyelenggara Setor Tingkat III di-Pejabat Penjara, Brunei.

Gaji : Dalam sukaan gaji E.1-2-3. \$183x7-211-220x10-260-280-290-300.

Hanya pemohon2 yang mempunyai kelayakkann2 dan pengalaman seperti berikut boleh di-timbangkan.

(a) Pemohon2 mestilah ra'ayat Sultan Brunei atau pun berhak untuk menjadi ra'ayat Sultan.

(b) Pemohon2 mestilah berkelulusan Dariah V Sekolah Melayu dan Form I Sekolah Inggeris atau yang bersamaan dengan-nya.

(c) Pemohon2 mestilah mempunyai pengalaman sekurang2nya 3 tahun dalam kerja setor.

Permohonan2 daripada pegawai Kerajaan, hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat mereka. Ketua2 Pejabat di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 itu bersama2 dengan satu Rekod perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mestilah di-penohkan di atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mestilah di-kembalikan kapada Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat daripada 5 November, 1964.

WAKTU2 SEMBAHYANG, AMSAK DAN MATA-HARI TERBIT

Waktu2 sembahyang, amsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 21 Oktober hingga ka-hari Sabtu 31 Oktober, 1964 ada-lah seperti di-bawah ini:

Hari Bulan	Amsak	Suboh	Matahari Terbit	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha
21	4.33	4.48	6.05	12.11	3.29	6.10	7.25
22	4.33	4.48	6.05	12.11	3.29	6.10	7.25
23	4.33	4.48	6.05	12.11	3.29	6.10	7.25
24	4.33	4.48	6.05	12.11	3.29	6.09	7.24
25	4.33	4.48	6.05	12.11	3.29	6.09	7.24
26	4.33	4.48	6.05	12.11	3.29	6.09	7.24
27	4.33	4.48	6.05	12.10	3.28	6.08	7.23
28	4.33	4.48	6.05	12.10	3.28	6.08	7.23
29	4.33	4.48	6.05	12.10	3.28	6.08	7.23
30	4.33	4.48	6.05	12.10	3.28	6.08	7.23
31	4.33	4.48	6.05	12.10	3.28	6.08	7.23

Waktu sembahyang dan amsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

Perlwanan Bola Sepak Sekolah2 Dan Maktab2 Sa-Negeri Brunei

BANDAR BRUNEI. — Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jemalul Alam, Bandar Brunei telah berjaya menjadi Johan dalam dua daripada 3 Perlwanan Bola Sepak sa-chara "pukol mati" antara Sekolah2 dan Maktab2 Sa-Negeri Brunei baharu2 ini.

Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jemalul Alam telah menjadi Johan dalam Perlwanan Kumpolan "A" dan telah mendapat Perisai rebutan yang di-hadihkan oleh Awang W.J. Peel, Bekas British Residen Brunei.

Sekolah Melayu Pulau Baru-Baru telah menjadi Naib Johan dalam perlwanan tersebut dan telah mendapat Piala N.E. Clark, Bekas Pengurus Hong Kong dan Shanghai Bank, Brunei.

Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei telah menjadi Johan dalam Perlwanan Kumpolan "B" dan telah mendapat Piala E.W. Cousen, Bekas Pegawai Kewangan Negara, Brunei.

Sekolah Melayu Delima I, Berakas telah menjadi Naib Johan dalam perlwanan tersebut dan telah mendapat Perisai rebutan yang di-hadihkan oleh Jawatan Kuasa Sambutan Perkembalian Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dari Eropah.

Dalam Perlwanan Kumpolan "C" pula, Johan-nya ia-lah Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jemalul Alam, Bandar Brunei. Sekolah Melayu S.M.J.A. telah mendapat Perisai rebutan yang di-hadihkan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indera Haji Muhammad bin Pengiran Puit.

Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait yang telah menjadi Naib Johan dalam perlwanan tersebut telah mendapat Perisai rebutan yang di-hadihkan oleh Yang Mulia Pengiran Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

Sa-banyak 62 pasukan telah mengambil bahagian dalam Perlwanan Kumpolan "A". 18 pasukan telah mengambil bahagian dalam Perlwanan Kumpolan "B" dan 12 pasukan telah mengambil bahagian dalam Perlwanan Kumpolan "C".

KUMPOLAN "A"

Keputusan Perlwanan Kumpolan "A" bagi tiap2 Bahagian ada-lah saperti berikut:

Bahagian Brunei I: Johan — Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jemalul Alam, Naib Johan — Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin.

Bahagian Brunei II: Johan — Sekolah Melayu Delima I, Naib Johan — Sekolah Melayu Sengkurong.

Bahagian Belait: Johan — Maktab Anthony Abell, Seria, Naib Johan — Sekolah Melayu Sungai Liang.

Bahagian Tutong: Johan — Sekolah Melayu Ukong, Naib Johan — Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong.

Bahagian Temburong: Johan — Sekolah Melayu Pulau Baru-Baru, Naib Johan — Sekolah Melayu Sultan Hasan, Bangar.

KUMPOLAN "B"

Keputusan Perlwanan Kumpolan "B" ada-lah saperti berikut.

Bahagian Brunei I: Johan — Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei, Naib Johan — Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jemalul Alam, Bandar Brunei.

Bahagian Brunei II: Johan — Sekolah Melayu Delima I, Naib Johan — Sekolah Melayu Bunut.

Bahagian Belait: Johan — Maktab Anthony Abell, Seria, Naib Johan — Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait.

Bahagian Tutong: Johan — Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong, Naib Johan — Sekolah Melayu Tanjong Maya.

Bahagian Temburong: Johan — Sekolah Melayu Sultan Hasan, Naib Johan — Sekolah Melayu Batu Apoi.

KUMPOLAN "C"

Keputusan Perlwanan Kumpolan "C" ada-lah saperti berikut:

Bahagian Brunei I: Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jemalul Alam, Bandar Brunei telah menang dengan tidak payah melawan kerana hanya Sekolah Melayu S.M.J.A. sahaja yang mengambil bahagian.

Bahagian Brunei II: Johan — Sekolah Melayu Sengkurong, Naib Johan — Sekolah Melayu Pengkalan Batu.

Bahagian Belait: Johan — Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Naib Johan — Sekolah Melayu Muhammad Alam.

Bahagian Tutong: Johan — Sekolah Melayu Muda Hashim.

Wah, alangkah gembira-nya ahli2 Pasukan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin dalam Perlwanan Akhir Bola Sepak Sekolah2 dan Maktab2 Sa-Negeri Brunei, Kumpolan "B" di-Padang Besar Bandar Brunei pada petang 9 Oktober, 1964. "Block" dengan ehsan akbar "The Borneo Bulletin".



Pegawai Pelajaran Negara Brunei Yang Berhormat Awang Malcolm MacInnes kelihatan dalam gambar ini menyampaikan Perisai W.J. Peel kepada Wakil Pasukan Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jemalul Alam sa-telah Sekolah Melayu S.M.J.A. mengalahkan Sekolah Melayu Pulau Baru-Baru dalam Perlwanan Akhir Bola Sepak Kumpolan "A" di-Padang Besar Bandar Brunei baharu2 ini.

Naib Johan Sekolah Melayu Kiudang, 2 gol tidak berbalas.

Bahagian Temburong: Johan Sekolah Melayu Sultan Hasan, Naib Johan — Sekolah Melayu Kenoa.

PERLAWANAN PERINGKAT SA-NEGERI BRUNEI

Dalam Perlwanan Akhir Kumpolan "A", di-Padang Besar Bandar Brunei pada petang 9 Oktober, Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin telah mengalahkan Sekolah Melayu Delima I, Berakas dengan 2 gol tidak berbalas.

Dalam Perlwanan Akhir Kumpolan "C" di-Padang Besar Bandar Brunei pada petang 9 Oktober, Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jemalul Alam telah mengalahkan Sekolah Melayu Pulau Baru-Baru dengan

2 gol tidak berbalas.



Gambar ini diambil sa-betur di-langsangkan Perlwanan Akhir Bola Sepak Kumpolan "A" antara Pasukan Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jemalul Alam, Bandar Brunei dengan Pasukan Sekolah Melayu Pulau Baru-Baru di-Padang Besar Bandar Brunei pada petang 13 Oktober. Dalam perlwanan itu, Sekolah Melayu S.M.J.A. telah mengalahkan Sekolah Melayu Pulau Baru-Baru dengan 2 gol tidak berbalas.



TIMBALAN M. B. MERASMIKAN PEMBUKAAN BALAI2 RAYA, JALAN BAHARU DAN SEKOLAH MELAYU DI-ULU BELAIT

BUKIT SAWAT.— Timbalan Menteri Besar Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud telah merasmikan pembukaan dua buah Balai Raya di-Ulu Belait pada hari Juma'at 16 Oktober, 1964. Beliau telah di-iringi oleh Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail.

SOKAN OLYMPIK:

Amerika Sharikat Dapat Pingat Yang Banyak Sekali

TOKYO.— Maharaja Hirohito dari Negeri Jepun tetap mengishtiharkan pembukaan resmi Sokan Olympik Sa-Dunia yang ke-18 di-Tokyo pada 10 Oktober, 1964.

Beribu2 orang ahli2 sukan dari 94 buah negara telah berbaris dalam stadium yang besar di-Tokyo semasa di-langsangkan upacara pembukaan rasmi-nya.

Hingga ka-hari ke-enam Sokan Olympik sa-Dunia itu di-jalankan, Amerika Sharikat telah mendapat Pingat2 yang banyak sekali, berjumlah 42 Pingat2 di-turuti oleh Russia, Negeri Jepun, Hungary, Poland, Negeri Jerman, Britain, Australia dan lain2 negeri.

Amerika Sharikat telah mendapat 19 Pingat Emas, 11 Pingat Perak dan 12 Pingat Gangsa. Russia telah mendapat 9 Pingat Emas, 7 Pingat Perak dan 11 Pingat Gangsa. Negeri Jepun telah mendapat 4 Pingat Emas, 3 Pingat Perak dan 2 Pingat Gangsa. Poland mendapat 3 Pingat Emas, 2 Pingat Perak dan 3 Pingat Gangsa. Negeri Jerman mendapat 2 Pingat Emas, 9 Pingat Perak dan 3 Pingat Gangsa. Britain telah mendapat 2 Pingat Emas dan 3 Pingat Perak. Australia telah mendapat 2 Pingat Emas, 2 Pingat Perak dan 4 Pingat Gangsa.

Balai2 Raya tersebut, letaknya di-Kampung Kuala Balai dan di-Mukim Bukit Sawat telah dibina di-bawah Ranchangan Perkembangan Luar Bandar, Daerah Belait dengan memakan perbelanjaan kira2 \$8,000 sa-buah.

Pada petang hari tersebut juga, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali telah merasmikan pembukaan satu jalan kechil sa-jauh 9 batu di-Mukim Bukit Sawat.

Jalan tersebut menghubungkan Kampung2 Bukit Sawat, Merangking Ulu, Merangking Hilir, Laid Lakang dan Sungai Ubar.

Bersempena dengan upacara2 tersebut, pendudok2 di-kampung2 yang berkenaan itu telah mengadakan berbagai achara yang meriah sa-bagan merayakan sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Pada hari Sabtu pula, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali telah merasmikan pembukaan Sekolah Melayu Sukang, Ulu Belait.

Sekolah Melayu Sukang itu telah di-bina atas hasil kerja ber-gotong royong oleh pendudok2 Kampong Sukang dengan menerima bantuan dari Kerajaan sa-banyak \$400.

KELUARGA2 GURKHA TIBA DI-BRUNEI

Ramai Pegawai2 dan anggota2 Tentera Gurkha yang pada masa sekarang berkhidmat di-Negeri Brunei tinggal di-Seria tidak jauh dari Panggong Wayang Roxana. Keluarga2 mereka juga ada-lah tinggal bersama2 mereka. Ramai lagi keluarga Pegawai2 dan anggota2 Tentera Gurkha itu akan tiba di-negeri ini. Tidak berapa lama lagi sa-buah Sekolah dan Dewan Perjumpaan akan di-bina di-tempat tersebut. Dalam gambar ini kelihatan isteri sa-orang Pegawai Tentera Gurkha Kapitan Harkabahadur dan anak2-nya pada masa ketibaan mereka di-Lapangan Terbang Anduki, Seria. — "Block" dengan ehsan akbar "The Borneo Bulletin".



Sir Charles MacLean, Ketua Pengakap Komanwealth.

Ketua Pengakap Komanwealth Melawat Brunei

BANDAR BRUNEI.— Ketua Pengakap Komanwealth, Sir Charles MacLean telah di-berikan sambutan yang meriah oleh Pegawai2 Pengakap dan Pengakap2 di-Negeri Brunei pada masa lawatan beliau ka-negeri ini.

Sir Charles telah tiba di-Brunei dari Sabah dengan kapal terbang pada petang hari Sabtu 17 Oktober.

Beliau telah di-iringi oleh Awang Thomas, sa-orang Pegawai Kanan Pengakap dari Ibu Pejabat Pengakap di-England.

Sir Charles telah di-sambut di-Lapangan Terbang Berakas oleh Pesuroh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei Yang Terutama Awang E.O. Laird; Pemangku Pesuroh Jaya Pengakap Negeri Brunei, Awang Haji Ali Khan bin Abdul Khan dan oleh Penolong Pesuroh Jaya Pengakap Bahagian Sekolah2 Melayu Negeri Brunei, Awang Shahbudin bin Saleh.

Kira2 satu jam sa-lepas ketibaan Sir Charles di-negeri ini beliau telah mengadap Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan di-Istana Darul Hana.

Pada masa lawatan-nya ka-Negeri Brunei, Sir Charles telah melawat ka-Perkhemahan Pengakap di-Jalan Gadong dimana beliau telah menyaksikan persembahan Unggun Api serta beramah-tamah dengan Pegawai2 Pengakap dan Pengakap2.

Sir Charles juga telah melawat ka-Kampung Ayer, Tempat Pertukangan Perak, Masjid Omar Ali Saifuddin dan ka-lain2 tempat di-Daerah Brunei.

Beliau telah melawat ka-kawasan Padang Minyak di-Seria pada hari Isnin 19 Oktober dan pada petang hari tersebut beliau telah hadir di-satu majlis perjumpaan Pegawai2 Pengakap dan Pengakap2 Daerah Belait ber-tempat di-Ibu Pejabat Pasukan Pengakap Seria.

Sa-bagi tanda kenangan terhadap lawatan Sir MacLean ka-Brunei Pegawai2 Pengakap dan Pengakap2 di-Daerah Brunei dan Belait telah menghadiahkan

Chenderamata2 kapada beliau semasa beliau melawat Perkhemahan Pengakap2 di-Jalan Gadong dan Perjumpaan Pengakap di-Seria.

Sir Charles MacLean telah "Menguchapkan Selamat Tinggal" kapada Pegawai2 Pengakap dan Pengakap2 di-Negeri Brunei pada hari Selasa 20 Oktober.

Beliau telah berangkat ka-Miri dengan kapal terbang pada pagi hari tersebut untuk memulakan lawatan-nya ka-Negeri Sarawak

Party Buroh Menang Pilehan Raya Di - Britain

LONDON.— Party Buroh British telah berjaya memenangi Pilehan Raya di-Britain baharu2 ini, dengan mengalahkan Party Conservative yang telah memegang tampok Kerajaan British semenjak 13 tahun dahulu.

Kepufusan Pilehan Raya tersebut, ada-lah saperti berikut:

Party Buroh — 317 kerusi. Party Conservative — 304 Kerusi dan Party Liberal — 9 Kerusi lain2-nya 0.

Maka dengan kemenangan Party Buroh dalam Pilehan Raya tersebut, Pemimpin-nya Awang Harold Wilson telah menjadi Perdana Menteri British yang baharu, menggantikan Sir Alec Douglas-Home dari Party Conservative.

Sunggoh pun Party Conservative telah kalah dalam Pilehan Raya itu, akan tetapi Sir Alec Douglas-Home telah mengalahkan chalun dari Party Buroh dalam Pilehan Raya tersebut.

